



KAMAR TIMBALAN KETUA PENDAFTAR (POLISI)
CHAMBERS OF DEPUTY CHIEF REGISTRAR (POLICY)
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
FEDERAL COURT OF MALAYSIA
ARAS 2, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Pejabat : +603-88803938
Office
Faks : +603-88803954
Fax
E-mel : tkppolisi@kehakiman.gov.my
E-mail

Ruj. Tuan :
Your Ref.
Ruj. Kami : (2)PKPMP.TKP(P)/UU/1
Our Ref.
Tarikh : 19 April 2016
Date : 11 Rejab 1437H

Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia

Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Majistret
Seluruh Malaysia

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN PENTADBIRAN TIMBALAN KETUA PENDAFTAR (POLISI)
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**PENGHANTARAN ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH SESYEN DAN
MAJISTRET MENGGUNAKAN APLIKASI E-JUDGMENT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Setelah meneliti laporan yang dikeluarkan oleh Unit Pelaporan, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Pelaporan, berhubung muat naik alasan penghakiman melalui portal e-Judgment, kamar ini mendapati masih terdapat Hakim Sesyen dan Majistret yang tidak menghantar alasan penghakiman untuk tujuan penilaian.
3. Sehubungan dengan itu, semua Hakim Sesyen dan Majistret dipohon untuk memuat naik alasan penghakiman masing-masing, sekurang-kurangnya 1 alasan setiap bulan ke portal e-Judgment yang boleh dicapai melalui tag khas di bawah Warga Kehakiman di laman sesawang Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).

4. Alasan penghakiman penting bagi tujuan penilaian prestasi pegawai kerana ia menjadi salah satu pertimbangan dalam proses pemangkuan dan pengesahan jawatan atau kenaikan pangkat seseorang pegawai kehakiman.
5. Oleh yang demikian, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah diingatkan untuk mematuhi arahan Ketua Pendaftar dalam surat **bil:JK/MP40Jld.5** bertarikh **3 April 2014** dan **19 Jun 2014** yang dilampirkan bersama ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menurut Perintah,



(ASLAM B ZAINUDDIN)
Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k:

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya, Kuching
SARAWAK


Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Mahkamah Sesyen Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya, Kuching
SARAWAK

Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Pelaporan
Kamar Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

Timbalan Pengarah
Unit Pelaporan
Kamar Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

HAK MILIK PERPUSTAKAAN PKPMP



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

JK/MP 40 Jld 5

Tarikh :

3 April 2014

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia.

Semua Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia.

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN ALASAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH SESYEN DAN MAJISTRET

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Ketua Pendaftar No. Ruj: JK/MP 40 Jld.4 yang bertarikh 22 Disember 2011 adalah juga berkaitan.

2. Untuk makluman, pejabat ini telah meneliti laporan yang dikeluarkan oleh Unit Penyelidikan dan Gubalan Undang-Undang, Bahagian Dasar, Latihan dan Perancangan Strategik berhubung penghantaran alasan penghakiman Mahkamah Sesyen dan Majistret. Malangnya, adalah didapati bahawa jumlah Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang menghantar alasan penghakiman adalah terlalu kecil, malahan sebahagian besar daripada Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret telah tidak menghantar alasan penghakiman untuk dibuat penilaian bagi maksud penerbitan.

3. Suka saya menarik perhatian bahawa kegagalan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menghantar alasan penghakiman akan juga menjadi pertimbangan dalam proses pengesahan dan pemangkuan jawatan atau kenaikan pangkat YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

2/-

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

4. Sayugia diingatkan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dikehendaki mematuhi arahan surat bertarikh 22 Disember 2011 tersebut dan mohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mengemukakan melalui alamat e-mel: ap.bkp@kehakiman.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k:


YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
SARAWAK

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JK/MP 40 Jld. 5

Tarikh : 19 Jun 2014

Semua Hakim Mahkamah Sesyen
Kuala Lumpur dan Selangor.

Semua Timbalan Pendaftar / Pegawai Penyelidik
Mahkamah Persekutuan Malaysia/ Mahkamah Rayuan Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar / Pegawai Penyelidik
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur/Mahkamah Tinggi Shah Alam


Semua Majistret
Mahkamah Majistret Kuala Lumpur/Putrajaya/Selangor

Semua Setiausaha
YA Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia

Semua Setiausaha
YA Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia

Semua Setiusaha
YA Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur/ Mahkamah Tinggi Shah Alam

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan



MEMUAT NAIK ALASAN PENGHAKIMAN MENGGUNAKAN APLIKASI E-JUDGMENT

Dengan hormatnya saya diarah oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa sistem E-Judgment yang dibangunkan bagi pengumpulan dan penyimpanan alasan penghakiman telahpun siap dan boleh digunakan.
3. Sehubungan dengan itu, YAA Ketua Hakim Negara telah mengarahkan sistem ini digunapakai terlebih dahulu oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia, Mahkamah Rayuan Malaysia, Mahkamah Tinggi serta Mahkamah-Mahkamah Rendah di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan mulai **1 Julai 2014**.

4. Bagi memuat naik Alasan Penghakiman untuk Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, pegawai-pegawai penyelidik kepada YA Hakim-Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah menyediakan ringkasan fakta dan keputusan kes kepada alasan penghakiman. Kelulusan daripada hakim masing-masing hendaklah diperolehi sebelum alasan penghakiman dihantar ke portal E-Judgment. Bagi Mahkamah Sesyen dan Majistret pula alasan penghakiman akan terus dimuat naik ke sistem E-judgment. Sistem ini boleh dicapai melalui alamat url: pelaporan.kehakiman.gov.my.

5. Setelah alasan penghakiman dimuat naik, Unit Pelaporan Undang-Undang adalah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan penyediaan kata kunci sebelum alasan penghakiman diterbitkan di laman web kehakiman

6. Bersama-sama ini di lampirkan manual sistem E-Judgment untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Saya yang menurut perintah,

(DATUK AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
PUTRAJAYA

s.k. YAA Ketua Hakim Negara

YAA Presiden Mahkamah Rayuan

YAA Hakim Besar Malaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Rayuan Malaysia

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pengarah Mahkamah Negeri Selangor

Pengarah Mahkamah Kuala Lumpur

Ketua-Ketua Bahagian Istana Kehakiman

